

Kaedah Penulisan Abstrak

Abstrak merupakan ringkasan daripada kertas penyelidikan penuh yang menyatakan tajuk serta menggambarkan keseluruhan kajian. Abstrak yang dihantar hendaklah tidak lebih daripada 250 patah perkataan dan mempunyai tidak lebih daripada 5 kata kunci. Berikut adalah isi kandungan penulisan abstrak yang boleh digunapakai sebagai rujukan semasa penghantaran abstrak.

1. Pengenalan

Latar belakang, pernyataan masalah kajian dan objektif kajian.

Bagi penghasilan produk perlu menyatakan latar belakang, pernyataan masalah dan objektif rekabentuk dan pembangunan produk

2. Kaedah Penyelidikan

Kaedah kajian, instrumen soal selidik, yang digunapakai oleh penyelidik, bilangan responden dan nilai kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik dan analisis statistik yang digunakan.

Bagi penghasilan produk perlu menyatakan kaedah, proses dan prosedur rekabentuk dan pembangunan produk yang dihasilkan. Instrument penilaian produk yang digunakan.

3. Hasil Kajian

Hasil dapatan daripada data yang telah dianalisis.

Bagi penghasilan produk perlu menyatakan dapatan daripada penghasilan produk.

4. Kesimpulan

Kesimpulan daripada keseluruhan penyelidikan yang telah dilaksanakan sama ada objektif kajian telah tercapai dan permasalahan kepada isu telah berjaya diselesaikan.